

DBKL tubuh jawatankuasa Pengurusan Insiden Awam tangani isu banjir kilat

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Insiden Awam Kuala Lumpur bagi menangani isu banjir kilat di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, jawa-

tankuasa tersebut turut memberi bantuan segera iaitu kurang setengah jam kepada mangsa banjir kilat di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan mengaktifkan bantuan bagi tempoh kurang setengah jam ‘*response time*’ daripada waktu menerima amaran awal

banjir jalan atau banjir kilat.

“Jawatankuasa terbabit dibantu agensi lain seperti Angkatan Pertahanan Awam (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Lumpur.

“Seramai 490 petugas dala-

man DBKL akan siap siaga di lapangan dengan dibantu petugas pasukan pemantauan secara visual melalui lebih 60 unit kamera litar tertutup (CCTV) di bilik gerakan khususnya di kawasan berisiko yang dikenal pasti termasuk memantau kawasan sungai, parit dan kolam

takungan,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Teresa Kok Suh Sim (PH-Seputeh) yang meminta menyatakan langkah diambil DBKL untuk mencegah dan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur.